

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,  
Rumah Persekutuan,  
Jalan Sultan Hishamuddin,  
Kuala Lumpur.

23hb. Mac, 1971.

Tuan,

### SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1971

Chara2 (Criteria) menentukan Taraf Penchen  
Pekerja Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar  
dan Peratoran2 meletakkan mereka ka-dalam  
Perjawatan Berpenchen.

Saya ada-lah di-arah memalumkan bahawa aduan telah di-sampaikan kapada pejabat ini ia-itu sunggoh pun **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/70** mengenai perkara tersebut di-atas telah pun di-keluarkan pada 16hb. November, 1970 tetapi hingga ini tidak ada satu jua pun daripada bilangan besar pekerja2 berkenaan dalam kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar yang telah di-berikan taraf berpenchen atau faedah2 persaraan sebagai sa-orang pegawai yang memegang jawatan berpenchen mengikut shor2 Surohanjaya Gaji Suffian.

2. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/70** menyatakan dengan lengkap peratoran yang mesti di-ikuti mengenai pemberian taraf berpenchen kapada pekerja berkenaan dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar . Dalam perenggan 10 Pekeliling itu, perhatian telah juga di-tarek kapada keperluan berkenaan dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar yang telah meninggal dunia pada atau salepas 1hb Ogos, 1968 atau bersara sa-lepas tarikh itu, di-hitung semula berasaskan kepada taraf berpenchen dan gaji berseh mereka.

3. Ada-lah di-tegaskan bahawa sangat-lah mustahak bagi kesemua kes yang berkenaan di-peroseskan dengan tidak berlengahan. Ada-lah di-sedari bahawa sebilangan besar kes2 itu akan terlibat. Kelambatan yang berlanjutan chuma akan menambahkan lagi bilangan itu. Memandangkan kapada bilangan yang besar kes3 yang perlu di-peroseskan itu, maka peruntokan telah di-buat khas supaya kuasa2 Surohanjaya Perkhidmatan Awam bagi meletakkan pekerja dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar di-dalam sesuatu. Jabatan berkenaan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen di-wakilkan sebagaimana yang di-terangkan dalam perenggan 8 dalam Pekeliling itu. Dengan ada-nya pembahagian (decentralisation) kuasa2 itu, maka kes2 yang terlibat itu boleh di-selenggarakan dengan lebih chepat lagi. Tujuan ini, dan terutama sekali pelaksanaan penuh shor2 Surohanjaya Gaji Suffian akan tewas sekira-nya tindakan positif ke atas peruntokan yang terkandong dalam Pekeliling itu tidak di-ambil oleh Ketua2 Setiausaha Kementerian dan Ketua2 Jabatan yang berkenaan.

4. Oleh itu kerjasama kesemua Ketua2 Setiausaha Kementerian dan Ketua2 Jabatan yang berkeaan ada-lah di-pinta dalam perkara ini. Mereka ada-lah di-gesa untuk menjadikan tanggongjawab mereka sendiri supaya menentukan bahawa atoran2 yang bersesuaian dengan keadaan yang terdapat dalam Kementerian atau Jabatan masing-masing di-adakan untuk memperoseskan kes2 yang terlibat dengan tidak berlengah lagi. Sekira-nya dalam hal ini mereka mengalami kesulitan maka kesulitan itu serta sebab2 nya hendak-lah di-laporkan dengan segera kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk di-timbangkan.

Saya yang menurut perentah,

(TAN SRI SYED ZAHIRUDDIN BIN SYED HASSAN)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua Jabatan Persekutuan,

Salinan: Setiausaha Kerajaan Negeri  
(kecuali Negeri-negeri Sabah dan Sarawak).